



Alamat : **Bahagian Komunikasi Strategik,**  
**Aras 18, Blok C,**  
**Ibu Pejabat**  
**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia,**  
**No. 2, Lebuh Wawasan, Presint 7,**  
**62250 Putrajaya**  
Tel. : **03-8870 0015**  
E-mel : [komunikasi@sprm.gov.my](mailto:komunikasi@sprm.gov.my)  
Web : [www.sprm.gov.my](http://www.sprm.gov.my)  
Twitter : [twitter.com/SPRMMalaysia](https://twitter.com/SPRMMalaysia)  
Facebook: [facebook.com/sprm.benci.rasuah](https://facebook.com/sprm.benci.rasuah)  
Youtube : [www.youtube.com/odvmacc](https://www.youtube.com/odvmacc)

# KENYATAAN MEDIA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

## KOMPAUN TERHADAP AHMAD MASLAN MERUPAKAN TINDAKAN PUNITIF

Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini telah membenarkan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan dilepas dan dibebaskan daripada dua pertuduhan terhadapnya setelah beliau membayar kompaun mengikut Seksyen 92(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATPUAA 2001).

Ahmad Maslan sebelum ini pernah ditawarkan kompaun tersebut pada Oktober 2019 namun memilih untuk dibicarakan di mahkamah pada ketika itu.

Sehubungan itu, beliau dituduh dengan dua pertuduhan di bawah Seksyen 4(1) dan Seksyen 32(8)(c) AMLATPUAA 2001 pada 20 Januari 2020. Semasa tempoh perbicaraan berjalan, beliau telah mengemukakan representasi dan bersetuju kembali untuk membayar kompaun tersebut.

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) ingin menjelaskan bahawa tindakan kompaun yang dikenakan ini merupakan satu tindakan punitif terhadap mana-mana individu yang terlibat dan merupakan satu bentuk pemulangan aset (*asset recovery*) di bawah AMLATPUAA 2001.

## SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA PUTRAJAYA

**29 SEPTEMBER 2021**



**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi** Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik,  
Kamaruddin M. Ripin (019-6217577) atau Badrila Jamlus (011-62736440)

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) merupakan sebuah agensi penguatkuasaan yang ditubuhkan melalui penggabungan Akta SPRM 2009 (Akta 6940) bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan dalam usaha pencegahan rasuah di Malaysia serta untuk memperbaiki persepsi kebebasan dan ketelusan dalam pelaksanaan fungsi-fungsi SPM. SPM turut disokong oleh mekanisme *check and balance* dalam memastikan SPM bertindak selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat. Suruhanjaya ini dahulunya dikenali sebagai Badan Pencegah Rasuah (BPR).